

CCTV tingkat keselamatan di sekolah

SISTEM kamera litar tertutup (CCTV) mampu membantu pihak polis dan memantau keselamatan. Sistem CCTV sudah mula menjadi lumrah di London, New York dan Tokyo, malah digunakan dengan berjaya di Singapura. Tidak ada sebab pihak berkuasa tempatan (PBT) menggunakan kekurangan wang sebagai alasan tidak memasang CCTV.

Kementerian Pelajaran pun memohon peruntukan khas daripada kerajaan untuk memasang CCTV di kawasan sekolah bagi membanteras perbuatan menculik kanak-kanak, kata Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Alimuddin Mohd Dom.

Kes penculikan kebelakangan ini menimbulkan rasa bimbang ibu bapa terhadap keselamatan anak ketika mereka pergi dan pulang sekolah.

Saranan kerajaan supaya sekolah mengetatkan kawalan keselamatan termasuk pengawal sekolah diwajibkan mengambil butiran pengenalan setiap pelawat yang memasuki kawasan sekolah dan mengunci pintu pagar ketika waktu persekolahan.

Bagi pelajar yang datang awal ke sekolah hendaklah dikumpulkan setempat dalam kawasan sekolah, manakala yang pulang lewat juga dikehendaki menunggu ibu bapa di situ dan mereka boleh menggunakan telefon sekolah untuk menghubungi ibu bapa.

Pada 2002, kementerian melancarkan Program Sekolah Selamat memabitkan kerjasama warga sekolah termasuk guru, pelajar, kakitangan sokongan, pentadbir sekolah, kaunselor dan pengawal keselamatan, selain ibu bapa serta masyarakat.

Program itu bagi memastikan ke-

selamatan murid ketika mengikuti sesi persekolahan dan merancang persediaan menghadapi sesuatu krisis yang tidak diingini. Ini termasuk kemalangan, bencana alam, keganasan membendung kejadian membimbangkan di kawasan sekolah dan persekitarannya terutama ketika waktu persekolahan, aktiviti luar kelas atau ketika murid pergi serta balik dari sekolah.

Tahun ini, cadangan mengadakan kempen keselamatan oleh Ketua Pengarah Pelajaran melalui poster dan papan kenyataan wajar dilaksanakan dengan segera bagi memberi peringatan supaya pelajar tidak mudah mempercayai dan menerima pemberian orang tidak dikenali, menerima bantuan atau pemberian orang tidak dikenali, jika diganggu, lari sekuat hati sambil menjerit meminta tolong tidak berjalan seorang diri ketika pergi dan balik sekolah, dan tidak menggunakan jalan yang sunyi.

Pada masa sama, media turut berperanan untuk sama-sama membantu melaksanakan kempen itu.

Pemasangan CCTV bukan saja boleh mengelakkan masalah penculikan kanak-kanak, malah boleh membanteras gejala ponteng sekolah. Pada masa sama, boleh diketahui siapa ibu bapa yang rajin hadir ke sekolah dan memberi kerjasama serta berbincang berhubung masalah pelajar.

**NURULATIQ
AHMAD BANDI,**

*Program Komunikasi
Universiti Sains Islam Malaysia.*